

DALAM NEGERI 9



SOOMILDUTH BHOLAH (dua dari kiri) berjabat tangan dengan Abdul Fattah Abdullah sempena ICAKL 2017 di Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/ WAHIDAH ZAINAL

Kerjasama Angkasa, Mauritius tingkat sektor perniagaan

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Jalinan kerjasama antara Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dengan Mauritius menerusi pembangunan koperasi pada tahun hadapan dilihat akan membuka peluang perniagaan dan perdagangan yang luas kepada kedua-dua negara.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, delegasi Mauritius yang diketuai Menteri Perniagaan, Perusahaan dan Koperasinya, Soomilduth Bholah hari ini menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam aspek pengurusan koperasi negara itu yang dikenali sebagai Koperasi Apex.

Ujar beliau, kumpulan berkenaan akan menghantar 12 pegawai termasuk beberapa pengarah Koperasi Apex bermula tahun hadapan bagi mendapatkan khidmat nasihat dan latihan daripada Angkasa.

"Kita sedia memberi keparahan dan khidmat nasihat kepada negara berkenaan berikutnya mereka baru mewujudkan badan tertinggi koperasi."



Kita sedia memberi keparahan dan khidmat nasihat kepada negara berkenaan berikutnya mereka baru mewujudkan badan tertinggi koperasi."

ABDUL FATTAH ABDULLAH
Presiden Angkasa

badan tertinggi koperasi. Mereka akan diberi latihan kira-kira dua minggu di sini supaya pengalaman yang diperoleh dapat dilaksanakan di Mauritius.

"Kerjasama ini juga akan turut memberi manfaat kepada Angkasa kerana dapat meluaskan rangkaian, selain meneroka peluang perniagaan di negara berkenaan yang terkenal sebagai pulau perikanan," katanya dalam sidang akhbar

selepas sesi kunjungan hormat dan perbincangan dengan Soomilduth dekat sini.

Menurut Abdul Fattah, selain perdagangan, kerjasama tersebut juga dilihat akan merancakkan industri pelancongan kedua-dua negara serta meningkatkan eksport produk makanan tempatan ke Mauritius.

Sementara itu Soomilduth memberitahu, hasrat kerjasama dengan Angkasa disebabkan kebolehan serta kemahirannya dalam memperluaskan jaringan perniagaan dan memajukan koperasi di peringkat antarabangsa.

Ujar beliau, pihaknya juga telah memohon untuk meningkatkan import produk makanan dari Malaysia dan berharap melalui usaha itu, industri perikanan serta pelancongan Mauritius dapat diperungkatkan.

Mauritius mempunyai 1,200 koperasi dan menyumbang 50 peratus kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Perpustakaan Koperasi
Malaysia